

28/06/2002

Khalil sokong tangguh pemilihan

IPOH, Khamis - Majlis Tertinggi (MT) Umno akan bermesyuarat bagi menentukan sama ada pemilihan parti yang dijadualkan Jun tahun depan diteruskan atau ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya umum 2004.

Setiausaha Agung parti, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata MT perlu menentukan perkara itu kerana perhimpunan agung parti minggu lalu tidak membuat keputusan mengenainya.

Beliau berkata, Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini ada menyatakan bahawa perhimpunan agung lalu antara lain akan memutuskan sama ada meneruskan pemilihan Umno yang dijadualkan Jun 2003 atau menangguhkannya selepas pilihan raya umum.

"Bagaimanapun, tidak ada wakil yang mengemukakan usul sama ada mahu meneruskan pemilihan berkenaan atau menangguhkannya.

"Keadaan itu menyebabkan statusnya hanya boleh ditentukan MT saja dan setakat ini kita belum membincangkannya," katanya hari ini.

Terdahulu, beliau yang juga Menteri Penerangan mengunjungi Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, di pejabatnya di sini.

Bagaimanapun, Khalil berpendapat adalah baik pemilihan ditangguhkan kerana parti mempunyai susunan jawatan yang sempurna dan mampu menjalankan tugas dengan berkesan.

Katanya, ini membolehkan Umno memberi tumpuan kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum yang lebih penting.

Pandangan Mohd Khalil disokong Tajol Rosli kerana pemilihan parti akan memberi kesan sementara terhadap kekukuhan Umno.

"Jika ada pemilihan sebelum pilihan raya, ia sedikit sebanyak sudah tentu menjejaskan persiapan kita untuk pilihan raya.

"Lebih baik jika pemilihan ditangguhkan kerana yang paling penting ialah kemenangan pilihan raya dan membentuk kerajaan, bukannya merebut kedudukan dalam parti," katanya.

(END)